

Veteran Umno Perlu Sesuaikan Diri Dengan Landskap Politik Baharu
Bernamea
May 10, 2014

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Umno sama sekali tidak pernah melupakan sumbangan golongan veteran parti, namun mereka perlu menyesuaikan diri dengan landskap politik baharu jika ingin kekal relevan, kata Naib Presiden parti Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata dengan realiti semasa menunjukkan 60 peratus daripada jumlah pengundi kini tertumpu di bandar, maka golongan veteran parti perlu meneliti tentang corak pemikiran dan gaya hidup pengundi bandar dalam usaha menarik sokongan mereka.

"Landskap (politik baharu) ini harus kita akui kerana demografi, kependudukan yang berbeza serta minda dan pola pengundi telah berubah.

"Perubahan ini berlaku disebabkan urbanisasi (perbandaran) dibuat sama ada cara melintang atau menegak melalui mobiliti sosial," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Veteran Umno Malaysia Ke-6 di sini, Sabtu.

Sebagai contoh, beliau berkata, cara berkomunikasi rakyat kini sudah berubah kerana komunikasi bukan secara lisan telah menguasai sebanyak 87 peratus daripada seluruh sistem komunikasi.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, masyarakat di bandar lebih cenderung menggunakan maklumat diperolehi daripada sumber media sosial berbanding trend masa lalu apabila media arus perdana lebih dominan dalam menyalurkan maklumat isu semasa.

"Dulu akhbar arus perdana banyak menyumbang untuk pengundi membuat keputusan..tetapi biarpun akhbar ini masih penting, namun pola keputusan ditentukan media sosial...oleh itu, pendekatan Umno harus berubah.

"Kita sebagai veteran, harus merelevankan diri kita dengan kumpulan sasaran yang baharu," katanya.

Menurutnya, pada pilihan raya umum (PRU) akan datang, dianggarkan sebanyak 3.6 juta pengundi yang pertama kali akan mengundi dan mempunyai

cara berfikir yang berbeza.

Oleh itu, beliau berkata penglibatan daripada kira-kira 800,000 ahli veteran Umno sangat diperlukan bukan sahaja untuk kepimpinan parti malah untuk keseluruhan akar umbi yang merupakan 40 peratus daripada 3.4 juta ahli Umno sekarang.

"Mereka (golongan veteran) mempunyai ilmu, pengalaman dan pendedahan yang boleh disesuaikan dengan demografi yang baharu.

"Malah mereka boleh memberikan lontaran pandangan agar anak-anak muda yang telah mula buta sejarah politik...dapat disuntik dengan ilmu sejarah," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037290>